

**Pk. P.U. 22.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004**

**FATWA MENGENAI KUMPULAN BLACK METAL ADALAH SESAT**

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini:

Dan bahawasanya menurut seksyen 37 Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini:

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa, dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

“Amalan dan perbuatan semua kumpulan Black Metal adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad serta tindakan undang-undang yang sewajarnya boleh diambil ke atas mereka”.

Bertarikh 13 Mei 2010  
[MNPk.A351.IST/01/7 Jld. 2;  
PU.Pk. 07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan

TAN SRI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Perak Darul Ridzuan*